

OBOR MENGUKUHKAN LAGI PERTALIAN SERANTAU DI ANTARA MALAYSIA DAN CINA

KLMUC MENJADI TUAN RUMAH KEPADA PERSIDANGAN OBOR 2016

Kuala Lumpur, 30 June 2016- - Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC) akan menjadi tuan rumah kepada persidangan “*One Belt One Road,*” tahun ini. Acara tiga hari itu akan bermula dari 20 hingga 22 Julai dan bertemakan “*Finance & Economic Growth: Opportunities and Challenges.*”

Persidangan ini akan memperlihatkan tokoh-tokoh dari negara-negara ASEAN, yang termasuk Yang Berhormat Dato’ Sri Mustapha Mohamed. Antara topik yang akan diperbincangkan ialah ‘*ASEAN Strategies for The Challenges of OBOR,*’ ‘*Benefits and Implications of OBOR for ASEAN countries,*’ dan ‘*OBOR As a New Type of Regional Cooperation Mechanism,*’ dan ‘*Potential Investment Risks and Countermeasures of OBOR.*’

OBOR merupakan salah satu strategi pembentukan yang memberi penekanan kepada usaha-usaha pembangunan antara Republik Rakyat Cina dan Eurasia. Inisiatif ini mengutamakan persefahaman bersama dan juga memperlihatkan usaha untuk mengukuhkan lagi hubungan perdagangan antara China, Asia dan Eropah.

Mohammad Kamal Nawawi, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Cosmopoint Sdn. Bhd. yang juga merupakan Pemangku Naib Canselor KLMUC berkata, “Kami berasa begitu bangga kerana dapat menjadi tuan rumah kepada persidangan OBOR tahun ini, kerana usaha-usaha yang dilakukan OBOR adalah sangat penting untuk mengeratkan lagi hubungan sosioekonomi negara China dan negara-negara ASEAN. Salah satunya ialah pendidikan yang merupakan tonggak utama KLMUC, dan telah menjadi keutamaan buat kami untuk terus memperlihatkan kejayaan para pelajar kami, bukan sahaja di bidang akademik malah di dunia profesional. Tahun ini KLMUC menyambut ulang tahunnya yang ke-10, dan pencapaian ini melambangkan komitmen kami untuk sentiasa sejajar dengan perubahan dunia ekonomik dan perniagaan.”

Antara objektif OBOR tahun ini adalah untuk memahami misi dan pemacu utama OBOR, mengenal pasti manfaat dan implikasi OBOR kepada negara-negara ASEAN dari segi ekonomik, sosial, kebudayaan, pendidikan dan perniagaan, dan juga untuk memperbincangkan bagaimana kerajaan, orang awam dan ahli-ahli perniagaan dapat manfaat daripada OBOR, serta memacukan lagi pertumbuhan sosio ekonomik dan perniagaan.

Panel penceramah bagi persidangan tersebut termasuk Encik Wei Jinguo, Naib Pengurus dan Setiausaha Agung China Center of International Economic Exchanges (CCIE) dan bekas Timbalan Menteri Commerce China, Encik Shahrman Lokman, Penganalisis Kanan Program Dasar Luar dan Kajian Keselamatan Institute of Strategic And International Studies (ISIS Malaysia), dan Dr Zhao Hong, Ahli kepada Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS Yusof Ishak Institute), termasuk yang lain-lain.

Menurut Kamal, “Kami di KLMUC sentiasa memastikan para pelajar kami diberikan peluang yang terbaik demi kebaikan kerjaya profesional mereka. Dengan adanya OBOR kami berharap dapat mengekalkan perhubungan serantau ini agar para pelajar kami berpeluang untuk meneruskan kerjaya profesional mereka bukan sahaja di Malaysia, malah di luar negara.”

Sebuah lawatan industri turut dijadualkan menjelang hari ke-3 persidangan ini untuk melawati semua rakan-rakan kongsi perniagaan dan industri yang relevan.

Menurut Kamal lagi “Dengan adanya OBOR, kami berharap orang awam dapat menyakini bahawa KLMUC kini menjadi sebuah institusi pendidikan tinggi milik mampu yang terpilih, dan dengan penglibatan kami di dalam OBOR sememangnya telah mengharumkan lagi nama KLMUC di persada luar,” Kamal berkata.

Untuk maklumat lanjut berkenaan persidangan OBOR atau bagi mereka yang berminat untuk menyertai persidangan tersebut, sila emel bonwto@klmuc.edu.my (03-2604 6007) atau, ctd@irshad.com.my, (03-7956 0010).

TAMAT

Mengenai Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC)

Mengenai Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC) Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC) adalah sebuah institusi pengajian tinggi yang progresif dan inovatif dengan menawarkan lebih daripada 45 program di bawah lima fakulti dan satu pusat. Ditubuhkan pada tahun 2006 KLMUC kini menawarkan program Asasi, Diploma dan Ijazah yang menerapkan prinsip Aplikasi Dunia Nyata sebagai laluan kepada kejayaan profesional. KLMUC juga terus berusaha dalam membangunkan program-program yang relevan bagi memenuhi keperluan pelajar. Program-program akademik dibangunkan melalui perundingan dengan rakan-rakan perniagaan dan industri luar, sektor awam dan profesional. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.klmuc.edu.my

Mengenai Syarikat Kumpulan Cosmopoint

Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC) dan Kolej Cosmopoint berada di bawah pengurusan Syarikat Kumpulan Cosmopoint, ianya telah bertapak kukuh lebih daripada 25 tahun dengan penyediaan pengalaman pembelajaran yang praktikal serta mempunyai pelbagai kurikulum yang menepati kehendak pasaran semasa. KLMUC adalah sebuah kampus di dalam bandar dan Kolej Cosmopoint mempunyai lebih daripada 11 cawangan di seluruh Malaysia.

Syarikat Kumpulan Cosmopoint berada di bawah kawal selia Kumpulan ILMU Berhad (ILMU), antara kumpulan integrasi peneraju pendidikan di Malaysia, dengan pelbagai portfolio institusi merangkumi semua peringkat: rendah, menengah (K-12) dan pendidikan tinggi.

Untuk sebarang pertanyaan media:
[Kumpulan Cosmopoint Sdn Bhd](#)

Elyantie Mohamed
Pengurus Pemasaran & Komunikasi
Tel: (603) 2604 6113
E: elyantie.mohamed@cosmopoint.com.my

Yasmin Yusoff
Eksekutif Kanan Pemasaran & Komunikasi
Tel: (603) 2604 6121
E: ainulyasmin.myusoff@cosmopint.com.my